

MENCARI KEAMANAN SEJAGAT

Perdana Global Peace Forum Menjadi Senjata Menghapus Perang

Oleh AHMAD JAIDI SAHAR

Dari Patani ke Lubnan, Kashmir ke Chechnya, Ramallah hingga Baghdad, enam lokasi berbeza tetapi mereka di sini hidup dengan satu harapan dan satu perjuangan, mencari keamanan. Di tingkat 86 Menara Berkembar Petronas Kuala Lumpur bangunan berkembar tertinggi di dunia, mantan Perdana Menteri Malaysia Tun Mahathir Mohamed mencetus satu aspirasi baru untuk dunia sejagat. Beliau mahu menghidupkan keamanan sejagat dan mematikan kekejaman perang yang melahirkan huru-hara kepada umat manusia. Satu forum keamanan sejagat, Perdana Global Peace Forum yang diilhamkan beliau akan menjadi tumpuan tokoh anti perang dari seluruh dunia pada 5 hingga 7 Februari ini.

“Perang pada masa ini satu pembunuhan beramai-ramai, setiap kali perang kematiannya dahsyat, lihat sajalah kematian akibat bom atom di Hiroshima dan Nagasaki, satu bom atom boleh membunuh 200 ribu nyawa” tegas Tun dengan nada keras dan berbau kecewa.

Tegas beliau perang sekarang bukan seperti zaman Napoleon Bonaparte tetapi istilah perang sekarang sebenarnya dilakukan dengan penuh sistematik dengan kekuatan senjata nuklear yang mampu membunuh dan membinasakan jutaan jiwa dalam sekelip mata.



MANGSA PERANG: Sehingga 2006 lebih 34,000 orang awam terbunuh di Iraq.

Kehancuran yang berlaku di Iraq dan Timur Tengah, Afrika, Kashmir dan beberapa negara bekas komunis Soviet adalah kesan daripada bencana perang. Ia bukan sahaja memusnahkan harta benda tetapi nyawa manusia yang tidak berdosa menjadi taruhan. Tun mengumpamakan perang abad ke 21 sebagai sesuatu yang langsung tidak seperti perang di zaman lampau. "Perang Waterloo adalah perang sebenar, askar dengan askar, askar tewas negara pun tewas tetapi perang sekarang membunuh semua orang," ujar Tun yang menjadi nadi kepada kewujudan PGPF dalam mencapai matlamat mewujudkan keamanan sejagat.

Memetik ucapan Tun pada PGPF 2005 Tun Mahathir menegaskan, pada persidangan itu semua pihak hanya ada satu agenda dalam minda mereka, mencari keamanan sejagat dan menghentikan segala bentuk pembunuhan terhadap mereka yang tidak berdosa.

PGPF 2007 akan mengulangi pendirian bagaimana perang akan diklasifikasi

sebagai jenayah dan mana-mana pemimpin yang terlibat dengan perang akan didakwa sebagai penjenayah perang. Pada persidangan pertama Tun menyuarakan betapa perang telah berada pada tahap buruk dan kini semakin teruk dan kejam. "Kini dalam perang semua bentuk keganasan dan kekejaman telah dianggap normal dan diterima pakai," tambah beliau yang akan menjadi menyampaikan uaputama pada PGPF 2007 kelak. Beliau juga menyebut bahawa pembohongan sudah menjadi amalan untuk menghalalkan perang dilakukan ke atas mana-mana negara. Malah perang menggunakan senjata canggih yang mampu mengorbankan lebih banyak mangsa digunakan. Senjata yang digunakan juga tidak digunakan untuk menembak musuh atau askar lawan tetapi lebih banyak digunakan untuk membunuh orang awam yang tidak bersenjata.

Apa yang dijelaskan Tun boleh kita kaitkan dengan tindakan kuasa besar Amerika Syarikat menyerang Iraq, Pa-

nama dan Vietnam. Lebih teruk lagi suara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan dunia antarabangsa tidak dihiraukan. Pendekatan dengan ketumbukan tentera yang mencecah ratusan ribu, perang sekarang

Tun Mahathir menyifatkan perang yang dilakukan sekarang membuktikan tidak ada kedamaian lagi di tempat yang mengalami perang. Ditanya mengenai Iraq dan penggantungan bekas Presiden Iraq, Saddam Hussien pada Hari Raya Korban 31 Disember 2006, Tun menganggapi apa yang dilakukan ke atas Saddam sebagai satu pembunuhan.

"Bagaimana mungkin dia boleh dihukum dan diadili musuhnyanya sendiri, sudah tentu tidak akan wujud keadilan," jelas beliau yang meminta Bush dan Blair turut dihukum atau diadili dengan cara yang sama, ditali gantung. Apa cara penjelasan sekalipun apa yang berlaku terhadap Saddam adalah satu bentuk ketidakadilan dan ia adalah dirancang dengan penuh sistematik. New York Times sebuah akhbar terkemuka

di Amerika Syarikat cuba membuat laporan seakan menyebelahi Saddam selepas beliau maut di tali gantung. NYT menyatakan bahawa Amerika enggan menyerahkan Saddam kepada pihak berkuasa Iraq kerana bimbang akan apa yang dilakukan ke atas bekas Presiden Iraq itu. Sebenarnya apa yang berlaku adalah satu lakonan dan rekaan semata-mata kerana mahkamah yang mengadili Saddam sebenarnya sudah menentukan hukuman mati ke atas Saddam sejak beliau ditangkap. Buktinya, sejak perbincangan tiga peguam Saddam telah dibunuh. Kes Saddam turut menjadi perbincangan pada PGPF 2007 dan persoalan yang akan diusulkan ialah bagaimana hukuman ke atas Saddam dilakukan sedemikian rupa. Malah Amnesty International mengutuk keras kekejaman ke atas Saddam tetapi Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) mengeluarkan kenyataan bagaikan melepaskan batuk di tangga. OIC mengeluarkan kenyataan mengikut skrip Amerika

dan mereka takut," bidas Tun Mahathir yang menganggap OIC langsung tidak mengambil inisiatif terhadap kematian Saddam yang nyata tidak mendapat perbicaraan adil. Malah bekas Setiausaha Agung PBB mengaku bahawa serangan ke atas Iraq adalah salah, apatah lagi hukuman ke atas Saddam.

Pada 2005 Tun menegaskan tujuan PGPF bukan retorik, bukan kerana marah dan kecewa tetapi apa yang kita lakukan ialah satu kempen untuk mewujudkan keamanan dan menentang perang. Forum itu juga meminta supaya sesiapa yang menentang keganasan perang mesti bersuara sekaligus didengar di serata dunia. Dengan cara ini suara meminta keamanan sejagat akan didengar mereka yang berfikiran waras dan melancarkan keperluan kepada kemananan sejagat di mana sahaja mereka berada.

"Bagi kita keamanan bermakna tidak ada perang," itu sahaja tegas Tun dalam petikan ucapan pembukaan PGPF 2005. Tun sebenarnya melakar sejarah den-



SENGSARA: Perang hanya memberi kepayahan

gan meletakkan Malaysia dalam peta keamanan dunia. Malaysia melalui Tun juga melahirkan slogan 'Malaysia Boleh' kini boleh menggunakan unsur yang sama untuk keamanan di seluruh pelusuk muka bumi ini.

"Dalam apa keadaan sekalipun perang adalah satu jenayah dan dalam PGPF 2006, satu usaha untuk memastikan setiap kali pilihanraya semua calon bersumpah bahawa mereka menentang perang dan jika mereka tidak ingin melakukannya ia tidak akan dilantik menjadi calon atau mereka akan tidak akan mendapat undi," jelas Tun yang menyifatkan itu antara jalan memastikan keamanan dunia dapat dicapai.

Hasrat PGPF 2007 akan menjadi penanda aras kepada wajah baru keamanan dan harapan dunia kepada gagasan Tun pastinya bukan sedikit. Forum kali ini dijangka lebih menarik apabila ada tahanan Abu Gharib yang akan menceritakan pengalaman di bawah tahanan tentera Amerika di penjara tersebut.



Tun Mahathir

Sesuatu yang besar dan mesti diambil peduli ialah hasrat Tun dan rakan-rakan dari seluruh dunia untuk melihat dunia kembali aman tanpa perang. Bagaimana dan bila ia akan tercapai bukan terletak di bahu Tun Mahathir, Hans Von Sponeck, Prof Michel Chossudovsky, Michael Carmichael, Ali Al Shalah, Dr. Saeed H. Al Musawi, Ibrahim El Mousawi, Leuren Moret sahaja tetapi seluruh umat manusia.